




BERITA DAN ISU SEMASA IMPAK COVID-19 KEPADA EKONOMI

RUJUKAN: 7 – 9 SEPTEMBER 2021

BIL. 37 / 2021



RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 9 September 2021 **kumulatif kes sembah bertambah kepada 1,657,486** atau 86.3 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **242,802 kes yang masih aktif**. **Kes baharu** dicatatkan sebanyak **19,307 kes** dan seterusnya menjadikan jumlah jangkitan positif mencecah kepada **1,919,774 kes**. Sementara itu, **kes harian tertinggi** direkodkan pada 26 Ogos 2021 dengan **24,599 kes**. Penularan tempatan meliputi **99.9 peratus** atau **19,301 kes** daripada catatan harian dengan **88.7 peratus dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan warganegara Malaysia** manakala **kes import berjumlah 6 kes**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **42.6 peratus**, Wilayah Malaysia Timur (16.8 peratus), Zon Selatan (15.8 peratus), Zon Utara (15.5 peratus) dan Zon Pantai Timur (9.3 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** diterajui menerusi catatan **di Sarawak** iaitu **3,118 kes** disusuli Selangor (2,700 kes), Sabah (2,298 kes), Pulau Pinang (2,243 kes), Johor (2,032 kes), Kelantan (1,438 kes) dan Kedah (1,355 kes). Sejumlah **19,486 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **323 kematian terbaru** sementara **rekod harian tertinggi kematian** adalah **393 kes** yang dicatatkan pada 26 Ogos 2021.
- 1.2 Sementara itu, perkembangan terkini statistik **Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan** sehingga 7 september 2021 menunjukkan seramai **20,814,413** telah **divaksinasi bagi dos pertama**. Di peringkat negeri, **Selangor menerajui** bilangan yang telah divaksinasi iaitu **4,054,679** diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan 2,775,135. Antara negeri-negeri yang turut mencatatkan bilangan penerima yang tinggi adalah Johor (2,341,868), Sarawak (1,857,974), Sabah (1,746,330), Perak (1,397,535) dan Pulau Pinang (1,206,994). Secara keseluruhannya, jumlah pemberian vaksin bagi program vaksinasi dos pertama dan kedua telah mencecah 37.4 juta dos.
- 1.3 Krisis kesihatan yang berpanjangan turut mencetuskan ketidaktentuan ekonomi di dalam mahupun luar negara. Senario ini digambarkan menerusi beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily dan pelbagai sumber lain. Butiran terkini pasaran ekonomi antarabangsa adalah seperti berikut:
 - o USA: **Tuntutan pengangguran mingguan rendah**. Labor Department melaporkan tuntutan pengangguran merosot kepada 340,000,

penurunan 14,000 dari tahap semakan minggu sebelumnya sebanyak 354,000. Dengan penurunan yang sederhana, tuntutan pengangguran sekali lagi jatuh ke tahap terendah sejak mencecah 256,000 pada minggu yang berakhir pada 14 Mac 2020. (RTT)

- USA: **Pesanan di sektor Pembuatan meningkat pada bulan Julai** walaupun terdapat kekurangan bekalan. Commerce Department menyatakan pesanan di sektor Pembuatan meningkat 0.4% pada bulan Julai setelah meningkat 1.5% pada bulan Jun. Penganalisis ekonomi meramalkan pesanan di Pembuatan meningkat 0.3%. (Reuters)
- USA: **Defisit perdagangan menyusut pada bulan Julai** apabila jumlah import jatuh. Commerce Department melaporkan jurang perdagangan turun -4.3% kepada USD70.1 bilion. Penganalisis ekonomi meramalkan defisit USD71.0 bilion. Import merosot -0.2% kepada USD282.9 bilion. (Reuters)
- EU: **Inflasi harga pengeluar Eurozone meningkat pada bulan Julai** disokong oleh harga tenaga yang lebih tinggi. EUROSTAT melaporkan indeks harga pengeluar meningkat 12.1% tahun ke tahun pada bulan Julai, lebih tinggi daripada kenaikan 10.2% yang dilihat pada bulan Jun. Penganalisis ekonomi telah meramalkan pertumbuhan 11%. Tanpa termasuk tenaga, inflasi harga pengeluar meningkat kepada 6.7% tahun ke tahun daripada 5.6% pada bulan sebelumnya. Harga tenaga meningkat 28.9% dan harga barang perantaraan meningkat 12.6%. (RTT)
- EU: **Pengangguran Spain terus menurun.** Pengangguran Spain menurun untuk bulan keenam berturut-turut pada bulan Ogos. Bilangan orang yang tidak bekerja menurun sebanyak 82,583 pada bulan Ogos, setelah turun 197,841 pada bulan sebelumnya. Berbanding dengan bulan yang sama pada tahun 2020, pengangguran menurun 468,899. (RTT)
- SINGAPORE: **Pertumbuhan penjualan runcit perlahan pada bulan Julai.** Jualan runcit Singapore meningkat 0.2% tahun ke tahun pada bulan Julai, selepas kenaikan 26.0% pada bulan Jun 2021. Penjualan kenderaan bermotor menurun -9.8% pada bulan Julai, setelah pertumbuhan 80.6% pada bulan sebelumnya. Tidak termasuk kenderaan bermotor, penjualan runcit meningkat 2.0% pada bulan Jun, setelah kenaikan 19.2% pada bulan sebelumnya. Penjualan stesen minyak meningkat 33.0% tahun ke tahun pada bulan Julai dan jam tangan & perhiasan meningkat 10.4%. (RTT)

2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. Forbes Asia menyenaraikan **11 firma Malaysia antara 200 Syarikat Terbaik Bawah Satu Bilion** 2021 berdasarkan daya tahan dalam mengharungi pandemik COVID-19. Senarai tahunan itu dikeluarkan bagi **mengiktiraf syarikat tersenarai kecil dan sederhana** di rantau Asia Pasifik yang merekodkan **jualan di bawah AS\$1 bilion**.
2. **Harga minyak sawit pada 2021 diunjurkan pada purata RM4,000 satu tan**, meningkat 49 peratus daripada RM2,685 satu tan pada 2020, didorong pengeluaran minyak sawit mentah yang mungkin lebih rendah.
3. **Syarikat penapis minyak sawit India dilihat lebih cenderung mengimport minyak sawit dari Malaysia susulan daripada cukai eksport dan levi tinggi dikenakan Indonesia**. Antara Januari dan Jun 2021, negara itu mengimport 1.75 juta tan metrik minyak sawit Malaysia berbanding 1.72 juta tan metrik yang diimport dari Indonesia.
4. **Harga runcit petrol RON97 naik 1 sen seliter** kepada RM2.73 bagi tempoh 9 September 2021 sehingga 15 September 2021. Manakala **harga runcit petrol RON95 dan diesel masing-masing kekal** pada paras RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter.
5. **Lembah Klang** akan beralih ke **fasa dua Pelan Pemulihan Negara (PPN)**, berkuat kuasa Jumaat ini. Aktiviti **pelancongan hanya dibenarkan dalam negeri** yang sama membabitkan penginapan di hotel dan 'homestay' (inap desa) bagi individu yang lengkap dos vaksin.
6. Kerajaan dijangka **mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) gelembung pelancongan** dalam masa terdekat. Turut dilaporkan, Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA) yang meliputi tujuh hotel dan 11 chalet telah **menerima banyak pertanyaan daripada pelancong** seluruh negara berhubung perkara berkenaan sejak minggu lalu.
7. **Pemulihan aktiviti eksport halal negara** mencatatkan kemajuan **memberangsangkan** bermula enam bulan pertama tahun ini selepas merekodkan **pelaburan ke taman perindustrian halal** mencecah RM400 juta, dengan majoritinya disumbangkan pelabur domestik.
8. **Pembukaan semula** lapan aktiviti **industri kreatif** bermula 9 September akan **memberi kelegaan kepada lebih sejuta penggiat** sektor industri kreatif. Industri ini merupakan antara **sektor ekonomi yang terawal ditutup dan terakhir dibuka**.

9. Antara Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) adalah pemberian **bantuan sekali bayaran kepada pemandu e-hailing**. Seramai 27,627 pemandu e-hailing yang belum menerima bantuan **RM500** bakal menerima bayaran pada 10 September.
10. Kaji selidik terkini oleh Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia menunjukkan kira-kira **200,000 perniagaan berisiko untuk ditutup sepenuhnya jika sekatan pergerakan** yang masih dilaksanakan di sebahagian negeri **berterusan sehingga akhir tahun ini**. Kaji selidik yang dijalankan pada bulan lepas menunjukkan **54 peratus responden terpaksa menghentikan operasi perniagaan mereka ketika ini**.
11. **Empat lokasi pelancongan utama di Pahang** telah mencapai imuniti kelompok apabila 100 peratus penduduk dewasanya lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19. Oleh itu, sektor pelancongan di destinasi itu dirancakkan semula apabila **gelembung pelancongan** diumum kelak. Lokasi pelancongan berkenaan adalah **Pulau Tioman** di Rompin; **Taman Negara** di Jerantut; **Genting Highlands** dan **Janda Baik** di Bentong.
12. **Penutupan operasi kilang pembuatan sarung tangan getah** semasa Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) telah mengakibatkan **pelanggan beralih membeli daripada negara pengeluar lain seperti Thailand dan China**. Penguasaan pasaran global China dari segi pembekalan sarung tangan getah dianggarkan meningkat sehingga 23.0 peratus pada 2022 daripada 16.0 peratus pada masa ini, manakala **penguasaan Malaysia menyusut ke paras 60.0 peratus berbanding 67.0 peratus sekarang**.
13. Lazada Malaysia bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk **mendigitalkan perniagaan usahawan tani tempatan** menerusi program **Onboarding Produk Agromakanan di Platform E-Dagang**. Selain itu ia turut disokong oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk **pembangunan sektor pertanian negara**. Melalui kerjasama ini, **FAMA mensasarkan nilai jualan sebanyak RM1.5 juta** yang akan memberi **manfaat kepada 121 orang usahawan tani** di bawah bimbingan FAMA dan membabitkan hampir 600 produk.
14. Aktiviti **sekolah memandu** dibenarkan untuk beroperasi bermula pada 9 September dengan **kapasiti antara 60 peratus hingga 100 peratus** bergantung kepada jumlah peratus pekerja yang telah lengkap menerima vaksin.

15. Sejumlah **40,680 kes kehilangan pekerjaan** (*Loss of employment, LOE*) direkodkan **sehingga Ogos 2021** dengan **purata 5,811 kes** pada **setiap bulan**. Skim Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memantau tren LOE setiap hari bagi menyediakan perlindungan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan. **MYFutureJobs** sehingga kini **merekodkan 1.29 juta kekosongan** melibatkan 21 sektor, dengan 564,830 pencari kerja aktif yang berdaftar dan 196,471 penempatan pekerjaan telah direkodkan.
16. **Penurunan transaksi harta tanah kediaman** pada **suku pertama 2021** disebabkan oleh **peningkatan kebimbangan** dalam kalangan **pembeli harta tanah** mengenai kes **COVID-19** selain prestasi Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang lebih perlahan daripada jangkaan awal.
17. **Harga ayam, ikan kembung dan pelaling** didapati mengalami **kenaikan harga** akibat pelbagai faktor sejak kebelakangan ini. **Harga ayam** yang diambil daripada pembekal agak tinggi bermula dari **RM6.40 sekilogram** manakala **RM7.70** bagi ayam yang **siap diproses**. Harga ayam naik disebabkan faktor **harga dedak ayam meningkat**, selain **kemasukan anak ayam berkurangan** ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sementara itu, harga ikan kembung dan pelaling juga tidak menentu dan bergantung kepada pembekal.
18. **Harga ayam dan telur tidak termasuk dalam senarai barang kawalan kecuali** pada **musim-musim perayaan utama** di Malaysia melalui pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) iaitu permintaan pada waktu tersebut meningkat dan biasanya akan memberi tekanan kepada harga barang keperluan perayaan.
19. **Pekebun kelapa sawit menggesa Kerajaan membenarkan semula pengambilan pekerja asing** kerana **kekurangan pekerja** telah menyebabkan **ketiadaan pendapatan** kepada pekebun dan kerajaan berikutan kehilangan hasil kelapa sawit. Kekurangan tenaga buruh yang bermula pembekuan pengambilan pada Mac 2020 telah meningkat lebih daripada 75 ribu pekerja.
20. **Top Glove Corp Bhd** bakal menawarkan **lebih banyak peluang pekerjaan** dan **pewujudan jawatan baharu** berikutan situasi penutupan perniagaan dan kehilangan pekerjaan akibat pandemik.
21. **Kesemua cawangan AEON dan AEON BiG di seluruh negara** terlibat dengan **Kempen Beli Barang Malaysia KBBM 2021@AEON** yang menawarkan pelbagai **produk menarik dengan harga berpatutan** dan

juga akan menggunakan **platform digitalnya** bagi mempromosikan barang tempatan.

22. Seramai **76,400 remaja** di **Sarawak** mula **menerima vaksin COVID-19** esok, menjadikan mereka sebagai **kumpulan pertama remaja** di negara ini yang divaksinasi.
23. **Kempen #MYBaikHati Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi)** menawarkan **perkhidmatan kutipan peranti di seluruh Semenanjung Malaysia**, sekaligus memudahkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk **menyumbangkan** peranti yang tidak lagi digunakan **kepada pelajar** yang memerlukannya.
24. **Proton Holdings Bhd** dijangka mengakhiri 2021 dengan lebih mantap selepas menyaksikan aktiviti **pengeluaran, jualan dan eksportnya** mula **memulih**, seterusnya menyumbang kepada peningkatan angka penjualan mulai bulan ini. Pengeluar kereta nasional itu menjelaskan ia mencapai jumlah **jualan keseluruhan sebanyak 5,354 unit dari Jun hingga Ogos** lepas, yang merangkumi gabungan pendaftaran dalam talian serta eksport.

| A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM) | | | |
|--|---|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Edge Market 7 September 2021 (Non-essential) | <p>Driving schools allowed to operate from Sept 9</p> <p>Motor vehicle driving institutes (ILP) nationwide are allowed to operate from Sept 9 under the National Recovery Plan (NRP) by appointment.</p> <p>The examination process to obtain the driving licences would only begin on Sept 17. The employees, teaching staff and candidates must be fully vaccinated, verifiable with the COVID-19 Digital Vaccination Certificate and identification card.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/driving-schools-allowed-operate-sept-9 |
| 2. | Metro 7 September 2021 (Non-essential) | <p>4 lokasi pelancongan di Pahang capai imuniti kelompok</p> <p>Empat lokasi pelancongan utama di Pahang telah mencapai imuniti kelompok apabila 100 peratus penduduk dewasanya lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19. Oleh itu, sektor pelancongan di destinasi itu dirancakkan semula apabila gelembung pelancong diumum kelak. Lokasi pelancongan berkenaan adalah Pulau Tioman di Rompin; Taman Negara di Jerantut; Genting Highlands dan Janda Baik di Bentong.</p> | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/752118/4-lokasi-pelancongan-di-pahang-capai-imuniti-kelompok-metrov |

| | | | |
|----|--|---|---|
| 3. | Berita Harian 8 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | Aktiviti eksport halal Malaysia mulai pulih Aktiviti pengeksportan produk dan perkhidmatan halal negara mulai pulih dan berada dalam landasan untuk mencapai nilai yang disasarkan iaitu RM33 bilion pada tahun ini. Malaysia mencatatkan nilai eksport halal mencecah RM31 bilion tahun lalu, susut berbanding RM41 bilion yang diraih pada tahun sebelumnya. Antara pasaran eksport utama produk halal negara adalah China, Amerika Syarikat (AS), Indonesia, Jepun, Korea Selatan dan Singapura. | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/861408/aktiviti-eksport-halal-malaysia-mulai-pulih |
| 4. | Berita Harian 8 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | 27,627 pemandu e-hailing terima RM500 Jumaat ini Seramai 27,627 pemandu e-hailing yang belum menerima bantuan RM500 menerusi Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) bakal menerima bayaran pada 10 September. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/861566/27627-pemandu-e-hailing-terima-rm500-jumaat-ini |
| 5. | The Star 9 September 2021 <i>(Essential)</i> | COVID-19: Over half of the country fully vaccinated 50.5% of Malaysia's total population have been fully vaccinated against COVID-19 on Wednesday (Sept 8). 16,492,295 Malaysians have been fully vaccinated against | https://www.thestar.com.my/news/nation/2021/09/09/covid-19-over-half-of-the-country-fully-vaccinated |

| | | |
|--|--|--|
| | <p>COVID-19 while 20,293,582 Malaysians have received at least one dose.</p> <p>A total of 320,452 doses of the vaccine was administered on Wednesday, with 128,038 people receiving their first dose and 192,414 receiving their second dose.</p> | |
|--|--|--|

Penemuan penting & isu:

1. Aktiviti sekolah memandu dibenarkan untuk beroperasi bermula pada 9 September dengan kapasiti bermula 60 peratus hingga 100 peratus bergantung kepada jumlah peratus pekerja yang telah lengkap menerima vaksin.
2. Empat lokasi pelancongan utama di Pahang telah mencapai imuniti kelompok apabila 100 peratus penduduk dewasanya lengkap menerima dua dos vaksin COVID-19. Oleh itu, sektor pelancongan di destinasi itu dirancakkan semula apabila gelembung pelancongan diumum kelak. Lokasi pelancongan berkenaan adalah Pulau Tioman di Rompin, Taman Negara di Jerantut, Genting Highlands dan Janda Baik di Bentong.
3. Pemulihan aktiviti eksport halal negara mencatatkan kemajuan memberangsangkan bermula enam bulan pertama tahun ini selepas merekodkan pelaburan ke taman perindustrian halal mencecah RM400 juta, dengan majoritinya disumbangkan pelabur domestik.
4. Antara Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA) adalah pemberian bantuan sekali bayaran kepada pemandu *e-hailing*. Seramai 27,627 pemandu *e-hailing* yang belum menerima bantuan RM500 bakal menerima bayaran pada 10 September.
5. 70.5 peratus daripada keseluruhan penduduk dewasa di Malaysia telah menerima vaksin penuh manakala, 89.5 peratus daripada keseluruhan penduduk dewasa telah menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Maklumbalas Bahagian:

1. Aktiviti sekolah memandu dikategorikan sebagai aktiviti di bawah sektor Pendidikan swasta. Pembukaan aktiviti ini dijangka dapat menyumbang kepada pertumbuhan sektor Pendidikan swasta. Pada ST2 2021, sektor

| | Pendidikan swasta merekodkan pertumbuhan negatif 3.7 peratus (ST1 2021: -10.6%). Sektor ini juga menyumbang sebanyak 0.7 peratus kepada KDNK Negara. | | |
|-----------|---|---|---|
| 2. | Pelaksanaan gelembung pelancongan merupakan antara langkah merancakkan semula aktiviti tersebut. Pencapaian imuniti kelompak yang lengkap 100 peratus merupakan antara sasaran utama pelaksanaan aktiviti tersebut. Pada tahun 2020, ekonomi Pahang menguncup 5.9 peratus (2019: 3.8%). Subsektor perdagangan borong dan runcit, makanan dan minuman turut menunjukkan penguncupan dengan merosot 9.7 peratus (2019: 7.2%). | | |
| 3. | Aktiviti pengeksportan produk dan perkhidmatan halal negara yang mencatatkan kemajuan dijangka memberikan impak positif kepada nilai ekport keseluruhan. Pada suku tahun kedua 2021, eksport barang dan perkhidmatan meningkat sebanyak 3.5 peratus berbanding suku tahun sebelumnya. | | |
| 4. | Peningkatan peratusan penduduk Malaysia yang telah menerima vaksin penuh dapat membantu Kerajaan dalam rangka pembukaan aktiviti ekonomi secara berperingkat dan sekaligus menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Pada ST2 2021, KDNK Negara mencatatkan pertumbuhan 16.1 peratus yang mana kesemua sektor utama kecuali Pertanian merekodkan pertumbuhan yang positif. | | |
| B. | Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM) | | |
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| | A. Subsektor Perdagangan Borong & Runcit | | |
| 1. | Berita Harian 7 September 2021 (<i>Non-essential</i>) | Harga minyak mentah kembali melonjak Minyak mentah Brent kembali melonjak selepas merosot selama dua hari disokong data pertumbuhan eksport China luar jangka sekali gus menambah isyarat ekonomi yang positif di negara pengguna tenaga utama dunia. Data perdagangan kukuh menambah prospek lebih baik di Eropah, di mana permintaan minyak mentah melonjak selepas | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2021/09/860927/harga-minyak-mentah-kembali-melonjak |

| | | | |
|----|---|--|---|
| | | tempoh beberapa bulan sekatan pergerakan dilaksanakan akibat peningkatan semula jangkitan COVID-19. | |
| 2. | Berita Harian 7 September 2021 (Non-essential) | <p>Harga minyak sawit mentah dijangka stabil melebihi RM4,000 satu tan</p> <p>Harga minyak sawit mentah (MSM) diunjurkan stabil di atas paras RM4,000 satu tan pada suku ketiga 2021 sebelum mengalami prestasi rendah pada suku keempat berikutan pengeluaran dijangka meningkat semula.</p> <p>Ketua Pengarah Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dr Ahmad Parvez Ghulam Kadir, berkata peningkatan pengeluaran dan eksport dijangka berterusan sehingga tahun depan, disokong oleh perkembangan positif situasi pandemik COVID-19, prospek minyak dan lelemak global yang lebih baik di samping dasar perdagangan negara pesaing dan pengimport yang menggalakkan.</p> | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/860931/harga-msm-dijangka-stabil-melebihi-rm4000-satu-tan |
| 3. | Astro Awani 8 September 2021 (Non-essential) | <p>Proton jangka mengakhiri 2021 lebih mantap, selepas jualan meningkat</p> <p>Proton Holdings Bhd dijangka mengakhiri 2021 dengan lebih mantap selepas menyaksikan aktiviti pengeluaran, jualan dan eksportnya mula memulih, seterusnya menyumbang kepada peningkatan angka penjualan mulai bulan ini.</p> | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/proton-jangka-mengakhiri-2021-lebih-mantap-selepas-jualan-meningkat-318673 |

| | | | |
|----|---|--|---|
| 4. | Kosmo 8 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | AEON sediakan lot niaga untuk IKS Syarikat peruncitan, AEON Co. (M) Bhd. (AEON) menawarkan lot niaga bagi usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) sempena Kempen Beli Barang Malaysia (KBBM) 2021@ AEON bermula pertengahan Ogos hingga hujung tahun ini. | https://www.kosmo.com.my/2021/09/08/aeon-sediakan-lot-niaga-untuk-iks/ |
| 5. | Harian Metro 8 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | Lazada 9.9 Biggest Brands Sale bermula tengah malam ini Kurang daripada 12 jam lagi menjelang Lazada 9.9 Biggest Brands Sale yang bermula tepat jam 12 tengah malam ini, Lazada Malaysia menyediakan kalender LazMall bulan September sebagai panduan untuk membantu pembeli dalam talian merebut tawaran terbaik sepanjang bulan ini. Lazada juga telah memperkenalkan Exclusive Midnight Deals baharu yang akan memberi pelanggan baucar tambahan 10% dan 999 LazCoins, di samping promosi sedia ada dari jam 12 malam hingga 2 pagi pada 9 September. | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/752327/lazada-99-biggest-brands-sale-bermula-tengah-malam-ini |
| 6. | Malaysia Gazette 8 September 2021 <i>(Non-Essential)</i> | Harga RON97 naik satu sen Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 1 sen seliter kepada RM2.73 bagi tempoh 9 September 2021 sehingga 15 September 2021. Manakala harga runcit petrol RON95 dan diesel masing-masing kekal pada paras RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter sungguhpun harga pasaran | https://malaysiagazette.com/2021/09/08/harga-ron97-naik-satu-sen/ |

| | | | |
|----|---|--|---|
| | | sebenar bagi kedua-dua produk telah meningkat melebihi paras harga siling yang telah ditetapkan. | |
| | B. Subsektor Penginapan | | |
| 7. | Berita Harian 7 September 2021 <i>(Essential)</i> | Kerajaan digesa segera umum SOP Gelembung Pelancongan Pengusaha hotel dan produk pelancongan di Langkawi menggesa kerajaan mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) berhubung Gelembung Pelancongan dengan segera. Mereka menjelaskan, langkah itu penting bagi kelancaran persediaan yang dibuat menjelang pembukaan semula Langkawi untuk menerima pengunjung mulai 16 September ini, termasuk memudahkan urusan pengesahan tempahan pelanggan. | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860940/kerajaan-diges-segera-umum-sop-gelembung-pelancongan |
| 8. | News Straits Times 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | #JOM! STAY: Oyo shows staff vaccine status on its app Oyo rolled VaccinAid in Malaysia to allow its guests to view the vaccine status of hotel employees before making a booking. | https://www.nst.com.my/lifestyle/jom/2021/09/725374/jom-stay-oyo-shows-staff-vaccine-status-its-app |
| | C. Subsektor Kesenian, hiburan & rekreasi | | |
| 9. | Berita Harian 7 September 2021 <i>(Non-Essential)</i> | SOP Fasa 1 PPN dilonggarkan bagi industri kreatif mulai Khamis KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju melonggarkan prosedur operasi standard (SOP) Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) bagi industri kreatif, bermula | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/861043/sop-fasa-1-ppn-dilonggarkan-bagi-industri-kreatif-mulai-khamis |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | Khamis ini. Keputusan itu yang dibuat berdasarkan perbincangan Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19, Khamis lalu, diharapkan dapat memberi kelegaan kepada lebih sejuta penggiat, artis dan pekerja, dengan tertakluk kepada SOP digariskan termasuk lengkap vaksinasi. | |
| 10. | Utusan 8 September 2021 (<i>Non-Essential</i>) | SOP aktiviti sukan dilonggar bagi negeri Fasa 1 PUTRAJAYA: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik COVID-19 bersetuju melonggarkan prosedur operasi standard (SOP) bagi aktiviti sukan, riadah dan rekreasi, untuk negeri-negeri yang berada di bawah Fasa 1 bermula Jumaat ini. Perdana Menteri berkata, antara ketetapan yang diputuskan adalah membenarkan aktiviti sukan indoor, kecuali gimnasium kepada individu yang lengkap dua dos vaksin. | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/09/sop-aktiviti-sukan-dilonggar-bagi-negeri-fasa-1/ |
| Penemuan penting & isu: | | | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Niaga hadapan di London meningkat 0.5 peratus menghampiri paras AS\$73 setong. Pergerakan harga minyak menghadapi ketidaktentuan dalam tempoh beberapa bulan lalu selepas harga melonjak hampir 50 peratus pada separuh pertama tahun ini. 2. Harga minyak sawit pada 2021 diunjurkan pada purata RM4,000 satu tan, meningkat 49 peratus daripada RM2,685 satu tan pada 2020, didorong pengeluaran minyak sawit mentah yang mungkin lebih rendah. 3. Pengeluar kereta nasional itu dalam satu kenyataan hari ini menjelaskan ia mencapai jumlah jualan keseluruhan sebanyak 5,354 unit dari Jun hingga | | | |

Ogos lepas, yang merangkumi gabungan pendaftaran dalam talian serta eksport.

4. Kesemua cawangan AEON dan AEON BiG di seluruh negara terlibat dengan KBBM 2021@AEON yang menawarkan pelbagai produk menarik dengan harga berpatutan dan juga akan menggunakan platform digitalnya bagi mempromosikan barang tempatan.
5. Lebih 10,000 jenama yang boleh didapati di LazMall Malaysia, 3,800 lebih banyak berbanding tahun lalu, pengguna Lazada mempunyai pelbagai pilihan barang bermutu tinggi yang meliputi semua kategori sempena Jualan 9.9 Lazada.
6. Harga runcit petrol RON97 naik sebanyak 1 sen seliter kepada RM2.73 bagi tempoh 9 September 2021 sehingga 15 September 2021. Manakala harga runcit petrol RON95 dan diesel masing-masing kekal pada paras RM2.05 seliter dan RM2.15 seliter.
7. Pengusaha hotel dan produk pelancongan di Langkawi menggesa kerajaan mengumumkan prosedur operasi standard (SOP) berhubung Gelembung Pelancongan dengan segera. Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Persatuan Pelancongan Langkawi (LTA), Zainudin Kadir buat masa ini kebanyakan pihak hotel, chalet dan produk pelancongan hanya menerima tempahan dengan hanya mencatat nama pelanggan, sementara menunggu SOP dikeluarkan.
8. Kelonggaran SOP bagi industri kreatif pada 9 September ini kepada lebih dari 19,000 penggiat seperti lengkap dua dos vaksin dan kapasiti premis yang digunakan.
9. SOP bagi aktiviti sukan *indoor* kecuali gimnasium dibenarkan beroperasi dengan kawal selia, pelanggan lengkap divaksin dan penggunaan fasiliti perlu dilakukan secara janji temu bagi negeri Fasa 1 bermula 10 September 2021.

Maklumbalas Bahagian:

1. Pelaksanaan perintah kawalan pergerakan secara berterusan akan terus memberi impak kepada pemain industri terutamanya bagi industri bukan *essential*.
2. Pelbagai langkah dinamik yang diambil oleh kerajaan seperti meningkatkan pendigitalan PKS, pakej pemulihan ekonomi dapat memberikan kesan positif kepada industri terlibat.

3. Gelembung pelancongan bermula 16 September ini dijangkakan akan memberi kesan peningkatan pendapatan industri perkhidmatan penginapan untuk tempoh ST3 2021.
4. Pemberian vaksin secara menyeluruh kepada kakitangan pelancongan dapat meningkatkan imuniti kelompok seterusnya memberi peluang sektor pelancongan beroperasi dengan selamat.
5. Kelonggaran SOP bagi industri kreatif dijangka dapat memberikan impak positif ekonomi industri ini berikutan penularan endemik COVID-19.
6. Pembukaan aktiviti sukan ini dilihat dapat menjana semula ekonomi sektor ini dan dapat memberikan kelangsungan hidup kepada pengusaha berkaitan.

| C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM) | | | |
|--|--|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Star 8 September 2021 (Essential) | <p>India's refiners seen to favour palm oil imports from Malaysia</p> <p>India's refiners are seen to be favouring palm oil imports from Malaysia, as they seem to have been put off by the heavy export tax and levy imposed by Indonesia.</p> <p>Between January and June 2021, the country imported 1.75 million tonnes of Malaysian palm oil compared to 1.72 million tonnes imported from Indonesia.</p> | https://www.thestar.com.my/business/business-news/2021/09/08/india039s-refiners-seen-to-favour-palm-oil-imports-from-malaysia |
| Penemuan penting & isu: | | | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Syarikat penapis minyak sawit India dilihat lebih cenderung mengimport minyak sawit dari Malaysia susulan daripada cukai eksport dan levi tinggi dikenakan Indonesia. Antara Januari dan Jun 2021, negara itu mengimport 1.75 juta tan metrik minyak sawit Malaysia berbanding 1.72 juta tan metrik yang diimport dari Indonesia. | | | |

Maklumbalas Bahagian:

- Nilai eksport minyak kelapa sawit bagi Julai 2021 adalah RM5.7 bilion dan menyusut RM0.5 bilion atau 7.3 peratus bulan ke bulan. Volum eksport minyak kelapa sawit bagi Julai 2021 adalah 1.4 juta tan metrik dan menyusut 13.7 ribu tan metrik atau 1.2 peratus bulan ke bulan. India merupakan destinasi eksport utama bagi minyak kelapa sawit dengan nilai eksport bagi Julai 2021 adalah RM0.9 bilion atau 17.4 peratus, diikuti oleh Kenya (RM0.5 bilion atau 9.7 peratus) dan China (RM0.4 bilion dan 7.7 peratus).

| D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM) | | | |
|---|---|---|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | FMT 7 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>COVID-19 melonjak, laksana segera PKP penuh di Sarawak, gesa MTUC</p> <p>Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) menggesa Kerajaan Sarawak mempertimbangkan sekatan pergerakan penuh dilaksanakan dan bukan bersifat selektif di negeri ini bertujuan membendung penularan wabak COVID-19.</p> | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/09/07/covid-19-melonjak-laksana-segera-pkp-penuh-di-sarawak-gesa-mtuc/ |

Penemuan penting & isu:

- Setiausaha MTUC Sarawak berkata demikian selepas negeri itu merekodkan jumlah kes harian COVID-19 tertinggi di Malaysia pada Isnin iaitu 3,714 orang. Sekatan pergerakan secara selektif tidak adil kerana sektor perniagaan yang dibenarkan beroperasi mendapat pulangan sedangkan yang diarah tutup terpaksa menanggung perbelanjaan. Satu-satunya langkah yang dilihat munasabah ialah sekatan pergerakan sepenuhnya dan pemberian subsidi upah untuk semua pekerja dalam sektor swasta.

Maklumbalas Bahagian:

- Kerajaan mesti memberi keutamaan kepada proses vaksinasi kepada pekerja terlibat dalam perkhidmatan penting serta industri insentif buruh seperti pekerja sektor pembuatan dan pembinaan. Ini kerana kluster tempat kerja menyumbang 60% daripada jumlah kluster baharu COVID-19 di negeri Sarawak. Negeri Sarawak merupakan penyumbang ketiga tertinggi nilai kerja dalam sektor

| <p>pembinaan dengan nilai RM3.4 bilion pada suku tahun kedua 2021 selepas Selangor dan Wilayah Persekutuan.</p> | | | |
|---|--|--|---|
| E. | Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran (DOSM) | | |
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The News Straits Time 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Malaysian glove sector's global dominance to persist: Hartalega</p> <p>Malaysia should continue to dominate the global glove market at least for the next few years amid the emergence of China as a major force. Hartalega Holdings Bhd, one of the world's largest producers, is confident of Malaysia retaining its leadership over the medium term despite rising competition from Chinese glove manufacturers. Malaysian manufacturers would likely add a combined 223 billion pieces of gloves to their capacity between 2019 and 2022. Malaysia is the global champion with a complete ecosystem supported by various industries and services with engineering expertise that support the glove sector. Hartalega, which is the world's largest producer of nitrile gloves, also estimated Chinese manufacturers to capture 16 per cent of the global supply in 2021, while Malaysia still dominate with 67 per cent share.</p> | https://www.nst.com.my/business/2021/09/725323/malaysian-glove-sectors-global-dominance-persist-hartalega |
| <p>Penemuan penting & isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Malaysia perlu terus menguasai pasaran sarung tangan global sekurang-kurangnya untuk beberapa tahun ke depan di tengah-tengah kemunculan China sebagai kekuatan utama. Hartalega Holdings Bhd yang merupakan salah satu pengeluar terbesar di dunia yakin Malaysia akan mengekalkan terajunya dalam | | | |

jangka masa sederhana walaupun terdapat persaingan yang semakin meningkat dari pengeluar sarung tangan China. Pengilang Malaysia berkemungkinan akan menambah 223 bilion sarung tangan untuk kapasiti antara 2019 dan 2022. Hartalega yang juga merupakan pengeluar sarung tangan nitril terbesar di dunia dimana pengeluar China menguasai 16 peratus bekalan global pada tahun 2021, sementara Malaysia masih menguasai dengan 67 peratus.

Maklumbalas Bahagian:

1. Usaha dalam menguasai pasaran sarung tangan global bagi beberapa tahun akan datang dengan meningkatan pengeluaran bekalan sarung tangan akan memberi kesan positif kepada penyusunan Statistik Imbalan Pembayaran terutamanya komponen Barang. Pada suku tahun kedua 2021, komponen Barang mencatatkan lebihan sebanyak RM40.7 bilion berbanding RM36.6 bilion pada suku pertama tahun sebelumnya.

| F. Bahagian Petunjuk Ekonomi (DOSM) | | | |
|--|--|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Astro Awani 9 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>Forbes Asia senarai 11 firma Malaysia dalam Syarikat Terbaik Bawah 1 Bilion 2021</p> <p>Forbes Asia menyenaraikan 11 firma Malaysia antara 200 Syarikat Terbaik Bawah Satu Bilion 2021 berdasarkan daya tahan mereka mengharungi pandemik COVID-19.</p> <p>Senarai tahunan itu dikeluarkan bagi mengiktiraf syarikat tersenarai kecil dan sederhana di rantau Asia Pasifik yang merekodkan jualan di bawah AS\$1 bilion.</p> | https://www.astroawani.com/berita-bisnes/forbes-asia-senarai-11-firma-malaysia-dalam-syarikat-terbaik-bawah-1-bilion-2021-318716 |
| 2. | Berita Metro 9 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Lazada, Fama digitalkan perniagaan usahawan tani</p> <p>Lazada Malaysia berganding bahu dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk</p> | https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/09/752694/lazada-fama-digitalkan-perniagaan-usahawan-tani |

| | | | |
|----|--|--|---|
| | | <p>mendigitalkan perniagaan usahawan tani tempatan menerusi program Onboarding Produk Agromakanan di Platform E-Dagang.</p> <p>Selain itu, disokong Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dalam pembangunan sektor pertanian negara, projek perintis ini bakal menyaksikan beratus-ratus usahawan tani tempatan memulakan perjalanan mereka di platform Lazada dalam usaha menyokong sektor pertanian negara.</p> <p>Melalui kerjasama di antara FAMA, Lazada dan MDEC ini, FAMA mensasarkan nilai jualan sebanyak RM1.5 juta yang akan memberi manfaat kepada 121 orang usahawan tani di bawah bimbingan FAMA dan membabitkan hampir 600 produk.</p> | |
| 3. | Berita Harian 7 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>200,000 perniagaan berdepan risiko 'gulung tikar'</p> <p>Kaji selidik terkini oleh Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia menunjukkan kira-kira 200,000 perniagaan berpotensi untuk ditutup sepenuhnya jika sekatan pergerakan yang masih dilaksanakan di sebahagian negeri berterusan sehingga akhir tahun ini.</p> <p>Kaji selidik yang dibuat Persatuan PKS Malaysia pada bulan lalu yang menunjukkan, 54 peratus responden terpaksa</p> | https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2021/09/860950/200000-perniagaan-berdepan-risiko-gulung-tikar |

| | | | |
|----|--|---|---|
| | | <p>menghentikan operasi perniagaan mereka ketika ini.</p> <p>Langkah itu terpaksa diambil disebabkan oleh pelbagai faktor seperti peningkatan kos bagi mematuhi SOP (22 peratus), sukar beroperasi dengan kapasiti pekerja hanya 60 peratus (13 peratus) dan tidak mendapat kelulusan beroperasi walaupun berada dalam kategori perkhidmatan penting sebanyak 18 peratus.</p> | |
| 4. | Berita Harian 8 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>Lembah Klang beralih ke fasa 2 Jumaat ini</p> <p>Lembah Klang akan beralih ke fasa dua Pelan Pemulihan Negara (PPN), berkuat kuasa Jumaat ini. Keputusan peralihan membabitkan kawasan Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Antara kelonggaran yang diberikan adalah sama seperti negeri yang memasuki fasa dua sebelum ini, seperti ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN).</p> <p>Justeru, katanya, rentas daerah dibenarkan kepada individu yang lengkap dos vaksin. Antaranya, dine-in atau makan di kedai dibenarkan di premis untuk pelanggan yang lengkap dos vaksin. Aktiviti pelancongan juga dibenarkan dalam negeri yang sama membabitkan penginapan di hotel dan 'homestay' (inap desa) bagi individu yang lengkap dos vaksin.</p> | https://www.bhariani.com.my/berita/nasional/2021/09/861551/lembah-klang-beralih-ke-fasa-2-jumaat-ini |

| | | |
|------------------------------------|---|--|
| | Kelonggaran tambahan bagi aktiviti kedai gunting, pendandan rambut dan salon kecantikan dibenarkan untuk negeri yang dikategorikan dalam Fasa Dua dan Tiga PPN. | |
| Penemuan penting & isu: | | |
| 1. | Forbes Asia menyenaraikan 11 firma Malaysia antara 200 Syarikat Terbaik Bawah Satu Bilion 2021 berdasarkan daya tahan dalam mengharungi pandemik COVID-19. Senarai tahunan itu dikeluarkan bagi mengiktiraf syarikat tersenarai kecil dan sederhana di rantau Asia Pasifik yang merekodkan jualan di bawah AS\$1 bilion. | |
| 2. | Lazada Malaysia bekerjasama dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk mendigitalkan perniagaan usahawan tani tempatan menerusi program Onboarding Produk Agromakanan di Platform E-Dagang. Selain itu, ia turut disokong oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) untuk pembangunan sektor pertanian negara. Melalui kerjasama ini, FAMA mensasarkan nilai jualan sebanyak RM1.5 juta yang akan memberi manfaat kepada 121 orang usahawan tani di bawah bimbingan FAMA dan membabitkan hampir 600 produk. | |
| 3. | Kaji selidik terkini oleh Persatuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Malaysia menunjukkan kira-kira 200,000 perniagaan berisiko untuk ditutup sepenuhnya jika sekatan pergerakan yang masih dilaksanakan di sebahagian negeri berterusan sehingga akhir tahun ini. Kaji selidik yang dijalankan pada bulan lepas menunjukkan 54 peratus responden terpaksa menghentikan operasi perniagaan mereka ketika ini. | |
| 4. | Lembah Klang akan beralih ke fasa dua Pelan Pemulihan Negara (PPN), berkuat kuasa Jumaat ini. Keputusan peralihan membabitkan kawasan Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Antara kelonggaran adalah sama seperti negeri yang memasuki fasa dua sebelum ini. Justeru, rentas daerah dibenarkan kepada individu yang lengkap dos vaksin. Antaranya, dine-in atau makan di kedai dibenarkan di premis untuk pelanggan yang lengkap dos vaksin. Aktiviti pelancongan juga dibenarkan dalam negeri yang sama membabitkan penginapan di hotel dan 'homestay' (inap desa) bagi individu yang lengkap dos vaksin. Selain itu, kelonggaran tambahan bagi aktiviti kedai gunting, pendandan rambut dan salon kecantikan dibenarkan untuk negeri yang dikategorikan dalam Fasa Dua dan Tiga PPN. | |

Maklumbalas Bahagian:

1. Kepentingan pemasaran digital dengan kemajuan teknologi turut mempengaruhi trend pasaran di seluruh dunia. Kerjasama platform e-dagang seperti Lazada dan FAMA ini akan mempercepatkan proses pemasaran barang terus kepada pengguna serta memudahkan pengguna menikmati pilihan dengan harga yang berpatutan. Seterusnya akan menjana pendapatan ekonomi negara terutama bagi sektor Pertanian serta Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) ekoran pertumbuhan e-dagang. Pada suku kedua 2021, pendapatan e-dagang merekodkan sebanyak RM267.6 bilion berbanding RM254.6 bilion pada suku tahun sebelumnya.
2. Pengumuman Kerajaan terhadap peralihan Fasa 2 PPN bagi Lembah Klang iaitu Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang menyumbang sebanyak 40.4 peratus kepada KDNK pada 2020 dan dijangka dapat merancakkan aktiviti ekonomi terutamanya peniaga yang terkesan dengan pandemik yang berterusan. Antara aktiviti ekonomi yang dijangka akan menerima impak positif adalah aktiviti restoran yang membenarkan aktiviti *dine-in* bagi individu lengkap, kedai gunting, salon rambut dan kecantikan serta aktiviti penginapan hotel dan *homestay*. Subsektor penginapan di W.P. Kuala Lumpur dan Selangor masing-masing menyusut 53.7 peratus dan 53.3 peratus pada tahun 2020 (2019: 5.1%; 9.1%).

| G. | Bahagian Perangkaan Harga, Pendapatan dan Perbelanjaan (DOSM) | | |
|-----|--|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Berita Harian 7 September 2021 <i>(Essential)</i> | Harga minyak mentah kembali melonjak Minyak mentah Brent kembali melonjak selepas merosot selama dua hari disokong data pertumbuhan eksport China luar jangka sekali gus menambah isyarat ekonomi yang positif di negara pengguna tenaga utama dunia. Niaga hadapan di London meningkat 0.5 peratus menghampiri paras AS\$73 setong. | https://www.bharian.com.my/bisnes/pasaran/2021/09/860927/harga-minyak-mentah-kembali-melonjak |

| | | | |
|----|--|--|--|
| 2. | <p>Sinar Harian 7 September 2021 (Essential)</p> | <p>Harga ayam naik RM10 sekilogram</p> <p>Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Terengganu mengesahkan berlakunya kenaikan harga ayam mentah hingga RM10 sekilogram di pasaran negeri ini.</p> <p>Pengarahnya, Saharuddin Mohd Kia berkata, pihaknya mendapati harga runcit ayam di pasar dijual antara RM8 hingga RM10 sekilogram, pasar raya besar antara RM6.90 hingga RM8.49 sekilogram manakala pasar raya pula antara RM6.90 hingga 8.89 sekilogram.</p> | <p>https://www.sinarharian.com.my/article/160090/BERITA/Nasional/Harga-ayam-naik-RM10-sekilogram</p> |
| 3. | <p>The Malaysian Reserve 7 September 2021 (Essential)</p> | <p>Residential property transactions down 44.7% in 1Q21</p> <p>Bintai Healthcare Sdn Bhd, a subsidiary of Bintai Kinden Corp Bhd, teams up with Scientillence Sdn Bhd for haemodialysis businesses in Malaysia and South-East Asia. In a statement yesterday, the company said it signed a Business Collaboration Agreement with Scientillence to jointly develop and market medical products in the haemodialysis market, as well as to develop, invest, acquire or own dialysis centres, and other related renal care businesses in Malaysia and South-East Asia.</p> | <p>https://themalaysianreserve.com/2021/09/07/residential-property-transactions-down-44-7-in-1q21/</p> |

| | | | |
|----|---|--|---|
| 4. | Selangor Kini 7 September 2021 <i>(Essentials)</i> | Talian MPSepang bantu 920 individu terjejas akibat pandemik Seramai 920 individu terjejas akibat pandemik COVID-19 telah dibantu menerusi Talian MPSepang. Permohonan bantuan makanan asas yang diterima termasuklah daripada mereka yang kehilangan punca pendapatan, pendapatan terjejas, keperluan susu bayi, kuarantin positif COVID-19, orang kelainan upaya dan warga emas yang tidak boleh bekerja. | https://selangorkini.my/2021/09/talian-mpsepang-bantu-920-individu-terjejas-akibat-pandemik// |
| 5. | Kosmo 7 September 2021 <i>(Essential)</i> | Melaka salur RM446,000 Dana Bantuan Kasih Niaga Peruntukan berjumlah RM446,000 daripada Kerajaan negeri Melaka disalurkan kepada 446 usahawan menerusi Dana Bantuan Kasih Niaga. Sebanyak 2,068 permohonan telah diterima dan hanya 446 permohonan telah diluluskan. | https://www.kosmo.com.my/2021/09/07/melaka-salur-rm446000-dana-bantuan-kasih-niaga/ |
| 6. | Berita Harian 7 September 2021 <i>(Essential)</i> | MAINJ salur 7,345 bakul makanan kepada keluarga terjejas COVID-19 Sehingga 31 Ogos Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) telah menyalurkan 7,345 bakul makanan kepada keluarga memerlukan di seluruh negeri dengan peruntukan sebanyak RM3 juta. Bantuan bakul makanan ini disalurkan melalui Pejabat MAINJ di daerah dan amil agihan zakat di setiap mukim. | https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2021/09/860823/mainj-salur-7345-bakul-makanan-kepada-keluarga-terjejas-COVID-19 |

| | | | |
|----|--|---|---|
| 7. | Selangor Kini 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | Mais salur bantuan kepada 565 keluarga terjejas akibat COVID-19 Peruntukan bernilai RM56,500 daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) digunakan bagi membantu mereka yang memerlukan. Bantuan berbentuk makanan asasi yang disalurkan kepada 565 keluarga melibatkan lima daerah di Selangor iaitu Petaling, Sabak Bernam, Gombak, Klang dan Hulu Selangor. | https://selangorkini.my/2021/09/mais-salur-bantuan-kepada-565-keluarga-terjejas-akibat-COVID-19/ |
| 8. | Selangor Kini 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | 1,805 warga tani dapat manfaat petrol, makanan ternakan Menerusi Pakej Kita Selangor 1.0, warga tani di kawasan Selangor menerima manfaat berjumlah RM813,900 yang meliputi bantuan makanan ternakan dan akuakultur serta pembelian petrol. Mereka terdiri daripada 300 penerima menerima bantuan makanan ternakan yang berjumlah RM270,000, 154 penerima menerima bantuan makanan akuakultur yang berjumlah RM138,600 dan 1,351 penerima menerima baucer petrol dengan jumlah RM405,300. | https://selangorkini.my/2021/09/1805-warga-tani-dapat-manfaat-petrol-makanan-ternakan/ |
| 9. | Utusan Malaysia 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | LHDN serah 200 bakul makan kepada MAIM Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menerima 200 set bakul makanan daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) menerusi Program | https://www.utusan.com.my/berita/2021/09/lhdn-serah-200-bakul-makan-kepada-maim/ |

| | | | |
|-----|---|---|---|
| | | Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Hasil Prihatin. | |
| 10. | Utusan Malaysia 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Bantuan RM1.5 bilion disalurkan kepada 11 kategori penerima yang layak – Rina</p> <p>Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyalurkan bantuan berjumlah RM1.5 bilion setakat Julai lalu kepada 11 kategori penerima yang layak melibatkan kanak-kanak, warga emas, elauan pekerja orang kurang upaya (OKU), bantuan penjagaan OKU terlantar dan bantuan anak pelihara.</p> | https://www.utusan.com.my/terkini/2021/09/bantuan-rm1-5-bilion-disalurkan-kpwkm/ |
| 11. | Harian Metro 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Harga ayam, ikan mula meningkat</p> <p>Harga ayam, ikan kembung dan pelaling di Pasar Keramat, di sini, didapati mengalami kenaikan harga akibat pelbagai faktor sejak kebelakangan ini.</p> | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/752525/harga-ayam-ikan-mula-meningkat |
| 12. | Astro Awani 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>KBS gesa MKN, KKM pertimbang buka semula gimnasium – Menteri</p> <p>Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) agar kebenaran dapat diberikan dengan SOP yang ketat.</p> | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kbs-gesa-mkn-kkm-pertimbang-buka-semula-gimnasium-menteri-318599 |
| 13. | The New York Times 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>High Natural Gas Prices Strain Europeans, Weighing on Recovery</p> <p>As the world struggles to recover from the pandemic, soaring</p> | https://www.nytimes.com/2021/09/08/business/europe-natural-gas-prices.html |

| | | | |
|--|--|--|---|
| | | natural gas prices threaten to become a drag on the economies of Europe and elsewhere. Wholesale prices for the fuel are at their highest in years - nearly five times where they were at this time in 2019, before people started falling ill with the virus. | |
| 14. | Astro Awani 9 September 2021 <i>(Essential)</i> | Bantuan Khas COVID membantu kelangsungan perniagaan ibu tunggal Bantuan khas COVID-19 atau BKC yang diterima sebahagian peniaga yang juga ibu tunggal, amat bermakna. | https://www.astroawani.com/video-malaysia/bantuan-khas-COVID-membantu-kelangsungan-perniagaan-ibu-tunggal-1922009 |
| 15. | Sinar Harian 9 Septembr 2021 <i>(Essential)</i> | KPDNHEP ambil berat pantau harga ayam, telur naik Sebanyak 291 Notis bertulis di bawah Seksyen 21, AKHAP 2011 telah dikemukakan kepada peniaga untuk mendapatkan perincian maklumat transaksi jualan, kos bagi mengesan aktiviti peningkatan harga dan kesalahan mencatut. | https://www.sinarharian.com.my/article/160384/BERITA/Nasional/KPDNHEP-ambil-berat-pantau-harga-ayam-telur-naik |
| Penemuan penting & isu: | | | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Pergerakan harga minyak menghadapi ketidaktentuan dalam tempoh beberapa bulan lalu selepas harga melonjak hampir 50 peratus pada separuh pertama tahun ini. Penularan pantas varian COVID-19, Delta telah meningkatkan kebimbangan ke atas permintaan walaupun China berjaya menangani wabak terbaru itu dengan pantas. 2. Hasil tinjauan dan pemantauan pasukan KPDNHEP di 46 lokasi jualan ayam melibatkan pasar basah, pasar raya besar dan pasar raya di seluruh negeri Terengganu pada Selasa mendapat berlaku kenaikan harga ayam. Punca kenaikan harga ayam adalah disebabkan pengurangan bekalan ayam di peringkat ladang. Peniaga juga mendakwa peningkatan harga | | | |

makanan ayam turut menyebabkan berlaku kenaikan kos di peringkat pembekal dan peladang.

3. Penurunan transaksi hartanah kediaman pada suku pertama 2021 disebabkan oleh peningkatan kebimbangan dalam kalangan pembeli harta tanah mengenai kes COVID-19 selain prestasi keluaran dalam negeri kasar (KDNK) yang lebih perlahaan daripada jangkaan awal.
4. Individu yang kehilangan punca pendapatan, pendapatan terjejas, keperluan susu bayi, kuarantin positif COVID-19, orang kelainan upaya dan warga emas yang tidak boleh bekerja merupakan mereka yang dibantu menerusi Talian MPSepang.
5. Peruntukan berjumlah RM446,000 daripada Kerajaan Negeri Melaka disalurkan kepada 446 usahawan yang lulus permohonan menerusi Dana Bantuan Kasih Niaga.
6. Bagi memudahkan masyarakat membuat permohonan bantuan ini, MAINJ juga menyediakan talian *hotline* di peringkat Ibu Pejabat dan seterusnya tindakan bantuan ini akan dilaksanakan di peringkat Majlis Agama Islam Daerah.
7. Seramai 565 orang penduduk dari lima daerah di negeri Selangor menerima bantuan berbentuk makanan asasi daripada Majlis Agama Islam Selangor.
8. Menerusi Pakej Kita Selangor 1.0, warga tani di kawasan Selangor menerima manfaat berjumlah RM813,900 yang meliputi bantuan makanan ternakan dan akuakultur serta pembelian petrol.
9. Bakul makanan akan diagihkan kepada golongan sasaran seperti miskin tegar dan yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Setiap set bakul makanan bernilai RM100 yang terdiri daripada barang keperluan asas seperti beras, tepung, susu, gula dan minyak masak.
10. Bantuan berjumlah RM1.5 bilion membabitkan kategori penerima tabung bantuan segera, bantuan alat sokongan, bantuan am, bantuan latihan perantis dan geran pelancaran. Sabah merupakan negeri tertinggi menerima peruntukan bantuan dalam tempoh itu dengan sebanyak RM174 juta disalurkan melibatkan 63,641 orang penerima.
11. Harga ayam, ikan kembung dan pelaling didapati mengalami kenaikan harga akibat pelbagai faktor sejak kebelakangan ini. Harga ayam yang diambil daripada pembekal agak tinggi bermula dari RM6.40 sekilogram

manakala RM7.70 bagi ayam yang siap diproses. Harga ayam naik disebabkan faktor harga dedak ayam meningkat, selain kemasukan anak ayam berkurangan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Sementara itu, harga ikan kembung dan pelaling juga tidak menentu dan bergantung kepada pembekal.

12. Pengoperasian semula gimnasium bukan sahaja dapat membantu operator malah jurulatih di seluruh negara yang terjejas pendapatannya akibat wabak COVID-19 juga boleh kembali bekerja.
13. Harga borong untuk bahan bakar berada pada tahap tertinggi dalam beberapa tahun - hampir lima kali pada ketika ini pada tahun 2019, sebelum kes jangkitan dari pandemik COVID-19 bermula. Harga gas asli juga akan meningkat apabila negara Eropah memasuki musim sejuk kerana penggunaan bahan bakar dua kali ganda pada musim sejuk.
14. Sebagai ibu tunggal yang berkerjaya dan menggalas tanggungjawab mencari rezeki, Bantuan khas COVID-19 sedikit sebanyak dapat meringankan beban yang ditanggung dalam meneruskan kelangsungan hidup mereka.
15. Harga ayam dan telur tidak termasuk dalam senarai barang kawalan kecuali pada musim-musim perayaan utama di Malaysia melalui pelaksanaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) iaitu permintaan pada waktu tersebut meningkat dan biasanya akan memberi tekanan kepada harga barang keperluan perayaan.

Maklumbalas Bahagian:

1. Kerajaan persekutuan dan negeri menyediakan pelbagai bantuan, subsidi dan inisiatif bagi membantu dan mengurangkan beban rakyat Malaysia yang terkesan untuk meneruskan kelangsungan hidup melalui pelbagai medium. Isu semasa berkaitan perbelanjaan isi rumah, kumpulan pendapatan isi rumah, kemiskinan dan penyaluran bantuan kepada isi rumah akan dijadikan rujukan untuk semakan penemuan pendapatan isi rumah bagi survei HIES dan juga kajian pemetaan program bantuan dalam pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS).
2. Kenaikan harga minyak mentah akan memberi kesan kepada prestasi IHPR pengeluaran tempatan berikutan sumbangannya yang signifikan kepada prestasi keseluruhan IHPR pengeluaran tempatan.
3. Menurut Property Guru Data Sense, transaksi subjualan mendominasi pasaran pada suku pertama 2021 dengan ramai pemilik hartanah bertindak

menjual aset pada harga kompetitif untuk mendapatkan wang tunai dan seterusnya membolehkan kalangan pembeli rumah pertama dan pelabur membuat pembelian pada harga di bawah nilai pasaran. Hal ini akan memberi impak kepada Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan bagi sektor hartanah pada suku tahun hadapan.

4. Peningkatan harga ayam, telur, ikan kembong dan ikan pelaling dijangka akan memberi tekanan kepada inflasi kumpulan Makanan dan Minuman Bukan Alkohol bagi bulan September 2021. Purata harga ayam proses pada Julai 2021 ialah RM8.46 per kg. Manakala, purata harga bagi 10 biji telur ayam pada Julai 2021 adalah Telur Ayam Gred A (RM4.02), Gred B (RM3.72) dan Gred C (RM3.45). Purata harga ikan kembong pada Julai 2021 adalah RM16.95 per kg.
5. Pembukaan semula aktiviti sukan dan rekreasi dijangka akan merancakkan semula industri sukan dan rekreasi serta memberi impak kepada kenaikan harga perkhidmatan kerana adanya supply dan demand.
6. Peningkatan harga gas asli akan memberi impak kepada prestasi keseluruhan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) pengeluaran tempatan pada September 2021. Pada Julai 2021, indeks bagi komoditi ini meningkat 29.9 peratus berbanding negatif 22.6 peratus pada bulan yang sama tahun 2020. Manakala, bagi perbandingan bulan ke bulan, komoditi ini kekal positif selama lapan bulan berturut-turut (Julai 2021: 5.1%).
7. IHPR pengeluaran tempatan bagi Bahan makanan untuk binatang (tidak termasuk yang belum dikilang) meningkat 0.9 peratus pada Julai 2021 berbanding bulan sebelumnya. Manakala, IHPR bagi ikan kembong dan ikan pelaling masing-masing menaik kepada 2.3 peratus dan 1.5 peratus pada Julai 2021. Indeks bagi komoditi-komoditi ini dijangka kekal positif untuk dua bulan seterusnya (Ogos dan September), disokong oleh kenaikan harga makanan ayam yang berterusan serta ketidaktentuan bekalan bagi komoditi ikan kembong dan ikan pelaling.

| H. | Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi (DOSM) | | |
|-----|---|---|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Berita Harian 8 September 2021 (Non-essential) | 69.6 peratus populasi dewasa lengkap imunisasi COVID-19 Sejumlah 69.6 peratus atau 16.2 juta populasi dewasa di Malaysia sudah menerima dos | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/861285/696-peratus-populasi-dewasa-lengkap-imunisasi-COVID-19 |

| | | | |
|----|--|--|---|
| | | lengkap vaksin COVID-19, setakat semalam. | |
| 2. | Berita Harian 7 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>Mangsa COVID-19 belum dapat imuniti penuh vaksin</p> <p>Seorang lelaki dari Pulau Mantanani, Kota Belud yang dilapor meninggal dunia akibat jangkitan COVID-19 kelmarin, dipercayai belum mendapat imuniti penuh walaupun sudah menerima vaksin.</p> | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/860874/mangsa-COVID-19-belum-dapat-imuniti-penuh-vaksin |

Penemuan penting & isu:

1. Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) memaklumkan, lebih 20.8 juta atau 88.9 peratus populasi dewasa pula telah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin itu. Dari segi populasi keseluruhan pula, 63.7 peratus penduduk Malaysia sudah menerima dos pertama, manakala 49.9 peratus pula lengkap divaksin. Angka itu diperoleh selepas 326,476 suntikan diberikan di seluruh negara, semalam, meliputi 134,307 dos pertama dan 192,169 dos lengkap. Setakat semalam, data JKJAV juga menunjukkan Lembah Klang yang merangkumi Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya, mendahului jumlah keseluruhan populasi divaksin. Lembah Klang mencatat 82.6 peratus atau lebih 6.95 juta penduduk sudah menerima sekurang-kurang satu dos vaksin, dan 71.6 peratus (6.02 juta) lengkap divaksin. Ia disusuli Labuan dengan 70.5 peratus dos pertama dan 65.8 peratus dos lengkap; Sarawak (66 peratus dos pertama, 63.7 peratus dos lengkap); Negeri Sembilan (71 peratus dos pertama, 60.7 peratus dos lengkap) serta Perlis (65.4 peratus dos pertama, 51.3 peratus dos lengkap). Sementara itu, tiga negeri yang merekodkan peratusan terendah populasi keseluruhan lengkap vaksinasi ialah Kedah (35.4 peratus), Kelantan (32.3 peratus) dan Sabah (32.6 peratus). Sebelum ini, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar, dilaporkan berkata fasa endemik di Malaysia dijangka bermula akhir Oktober depan, dengan kadar imuniti kelompok diharap mencapai 80 peratus.
2. Lelaki berumur 56 tahun itu antara 650 penduduk Pulau Mantanani yang tersenarai sebagai penerima awal vaksin dos tunggal CanSino di Sabah ketika program jangkauan luar vaksinasi di pulau itu pada 27 Ogos lalu. Individu yang baru menerima vaksin memerlukan tempoh sekurang-kurangnya 14 hari sehingga tubuhnya membentuk imuniti bagi melawan jangkitan COVID-19. Tubuh pesakit terbabit mungkin belum membentuk imuniti penuh untuk melawan jangkitan COVID-19 memandangkan baru kira-kira seminggu menerima vaksin

dos tunggal CanSino. Pesakit terbabit yang mempunyai sejarah penyakit hipertensi dan hyperlipidaemia dipercayai mendapat jangkitan COVID-19 seminggu selepas divaksinasi.

Maklumbalas Bahagian:

1. Data kematian pada suku tahun kedua 2021 ialah:

- Jumlah kematian pada suku tahun kedua 2021 direkodkan sebanyak 44,307 kematian, meningkat sebanyak 10.1 peratus berbanding suku tahun kedua 2020 (40,241 kematian);
- Sejumlah 25,216 kematian adalah lelaki sementara 19,091 kematian adalah perempuan;
- Sebanyak 3,898 kematian akibat COVID-19 direkodkan iaitu meningkat 78 kematian berbanding suku sama tahun lalu.
- Data juga menunjukkan kematian tertinggi akibat COVID-19 dicatatkan bagi kumpulan umur 65 hingga 69 tahun diikuti kumpulan umur 70-74 tahun.
- Selangor merekodkan bilangan kematian tertinggi akibat COVID-19 iaitu 1,236 kematian manakala Putrajaya merekodkan kematian terendah iaitu hanya empat kematian.

Sebab-sebab kematian akibat COVID-19 akan dimuatkan di Penerbitan Perangkaan Sebab Kematian.

2. Berdasarkan data pendaftaran penduduk semasa, penduduk Malaysia pada suku tahun kedua 2021 dianggarkan 32.7 juta orang, dimana kadar pertumbuhan penduduk tahunan menurun kepada 0.2 peratus. Jumlah penduduk ini merangkumi 30.0 juta orang (91.8%) warganegara dan 2.7 juta orang (8.2%) bukan warganegara. Penduduk Bukan Warganegara menunjukkan penurunan daripada 3.0 juta (2020) kepada 2.7 juta pada 2021. Penduduk tua (65 tahun dan lebih) meningkat kepada 7.4 peratus (2.3 juta) pada 2021. Umur penengah penduduk pada 2021 meningkat kepada 29.6 tahun, iaitu peningkatan sebanyak 3.3 tahun setelah satu dekad (2010-2021).

| I. | Bahagian Perangkaan Tenaga Manusia dan Sosial (DOSM) | | |
|-----|--|--|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Berita Harian 7 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Kumpulan pertama remaja terima vaksin esok</p> <p>Seramai 76,400 remaja di Sarawak mula menerima vaksin COVID-19 esok, menjadikan mereka sebagai kumpulan</p> | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/861180/kumpulan-pertama-remaja-terima-vaksin-esok |

| | | | |
|----|--|--|---|
| | | <p>pertama remaja di negara ini yang divaksinasi. Kumpulan tersebut terdiri daripada remaja berumur 16 serta 17 tahun dan remaja berumur 12 hingga 15 tahun yang menghidap penyakit berisiko tinggi, iaitu bermasalah dengan sistem imun.</p> | |
| 2. | Harian Metro 7 September 2021 <i>(Non-Essential)</i> | <p>Derma peranti tak digunakan kepada Digi, bantu pelajar</p> <p>Kempen #MYBaikHati Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi) menawarkan perkhidmatan kutipan peranti di seluruh Semenanjung Malaysia, sekaligus memudahkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk menyumbangkan peranti yang tidak lagi digunakan kepada pelajar yang memerlukannya. #MYBaikHati adalah insiatif berterusan yang mengumpulkan telefon pintar, tablet dan komputer riba untuk diguna semula serta diedarkan kepada pelajar kategori bawah 40 (B40).</p> | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/751923/derma-peranti-tak-digunakan-kepada-digi-bantu-pelajar |
| 3. | Berita Harian 8 September 2021 <i>(Non-Essential)</i> | <p>OKU perlu rebut peluang vaksinasi pandu lalu</p> <p>Persatuan OKU Sentral berharap lebih ramai orang kurang upaya (OKU) di kota dan kawasan pedalaman Johor Bahru mengambil peluang mendapatkan vaksin COVID-19 di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Pandu Lalu OKU Sentral.</p> <p>Segelintir OKU mengakui tiada pengangkutan menjadi faktor utama yang menyukarkan mereka</p> | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/861524/oku-perlu-rebut-peluang-vaksinasi-pandu-lalu |

| | | |
|---|---|--|
| | <p>ke PPV. Kerjasama bersama agensi berkaitan antaranya Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan majlis daerah akan memastikan mereka dibantu supaya dapat mengambil vaksin di PPV.</p> | |
| Penemuan penting & isu: | | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Seramai 76,400 remaja di Sarawak mula menerima vaksin COVID-19 esok, menjadikan mereka sebagai kumpulan pertama remaja di negara ini yang divaksinasi. 2. Kempen #MYBaikHati Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi) menawarkan perkhidmatan kutipan peranti di seluruh Semenanjung Malaysia, sekaligus memudahkan lebih ramai rakyat Malaysia untuk menyumbangkan peranti yang tidak lagi digunakan kepada pelajar yang memerlukannya. 3. Persatuan OKU Sentral berharap lebih ramai OKU di kota dan kawasan pedalaman di Johor Bahru mengambil peluang mendapatkan vaksin COVID-19 di PPV Pandu Lalu OKU Sentral. | | |

Maklumbalas Bahagian:

1. Kanak-kanak adalah antara golongan yang berisiko dijangkiti COVID-19. Kelulusan pemberian vaksin kepada golongan usia 18 tahun ke bawah adalah antara inisiatif kerajaan bagi melindungi golongan tersebut daripada jangkitan virus COVID-19. Merujuk kepada Statistik Kanak-kanak 2020, anggaran bilangan kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah dan lima tahun ke bawah di Sarawak adalah masing-masing seramai 773.7 ribu dan 187.1 ribu.
2. #MYBaikHati adalah inisiatif bagi membantu pelajar daripada keluarga isi rumah B40 memenuhi keperluan pembelajaran dalam talian dan kelangsungan pendidikan mereka. Berdasarkan MyLocal Stats 2019 dan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas, peratusan isi rumah kumpulan pendapatan B40 di semenanjung Malaysia pada 2019 adalah 78.3 peratus.
3. Inisiatif membenarkan golongan OKU menerima suntikan vaksin COVID-19 secara pandu lalu akan memudahkan golongan tersebut menerima vaksin bagi membantu negara dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) sekali gus mencapaikan imuniti kelompok secepat mungkin.

| <p>Merujuk kepada MyLocal Stats 2019, bilangan kumulatif OKU yang berdaftar di Johor pada tahun 2019 adalah seramai 64,792 orang.</p> | | | |
|---|--|---|---|
| J. | Bahagian Perangkaan Pertanian dan Alam Sekitar (DOSM) | | |
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | Bernama 7 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Pasir Puteh antara pengeluar ikan air tawar terbesar di Kelantan menjelang lima tahun</p> <p>Kelantan sudah melepaskan 50,000 hingga 70,000 benih ikan setahun sejak 10 tahun lepas di dua sungai di sini sebagai usaha menjadikan daerah ini antara pengeluar ikan air tawar darat terbesar di negeri ini menjelang tempoh lima tahun.</p> | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2000644 |
| 2. | Astro Awani 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Nelayan Kuala Kedah dakwa pendapatan terjejas teruk susulan PKPD</p> <p>Nelayan pantai dan laut dalam di situ mengalami kerugian besar apabila tidak dapat menjual hasil tangkapan yang menccah 200 tan sehari.</p> | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nelayan-kuala-kedah-dakwa-pendapatan-terjejas-teruk-susulan-pkpd-318532 |
| 3. | The Edge Market 8 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Sime Darby Plantation's rare invite to Malaysians to become harvesters as foreign worker hiring freeze drives labour shortage</p> <p>Sime Darby Plantation Bhd appears to have extended a rare invitation to Malaysians to fill various on-site oil palm plantation jobs including positions as harvesters across Malaysia amid</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/sime-darby-plantations-rare-invite-malaysians-become-harvesters-foreign-worker-hiring-freeze#.YTjL7OB9Adq.whatsapp |

| | | |
|--|--|--|
| | a COVID-19-driven industry-wide labour shortage due to the freeze on the intake of foreign workers to curb the spread of the pandemic. | |
|--|--|--|

Penemuan penting & isu:

1. Ratusan petani termasuk 30 nelayan darat (sungai) yang tinggal di kawasan terbabit termasuk di Kampung Jelor kini dapat faedah apabila berjaya menghasilkan (ternakan) ikan antara 30 hingga 100 kilogram (kg) sehari. Selain melepaskan benih ikan bagi pembiakan, kerajaan negeri turut menyumbang peralatan seperti pukat, bubi, unjang, jala dan pukat kepada nelayan darat terbabit serta bantuan wang secara *one-off* (sekali bayar) sebanyak RM200 bagi meringankan beban mereka sepanjang pandemik COVID-19.
2. Hampir 500 nelayan di Kuala Kedah terjejas pendapatan apabila hasil tangkapan mereka tidak dapat dibawa keluar berikutan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan sejak 6 September lalu. Nelayan pantai dan laut dalam di situ mengalami kerugian besar apabila tidak dapat menjual hasil tangkapan yang mencelah 200 tan sehari.
3. *The COVID-19 pandemic's emergence since early 2020 has been a game changer for these sectors due to the country's foreign worker hiring freeze to curb the spread of the pandemic. According to plantation sector analysts, oil palm planters in Malaysia are heavily dependent on foreign workers, who make up about 70% of total workforce.*

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan Jadual Perangkaan Perikanan Tahunan 2020, Kelantan mencatatkan pengeluaran pendaratan ikan air tawar dari perikanan darat sebanyak 121.55 tan metrik dimana pengeluaran dari sungai menyumbang 113.57 tan metrik.
2. Berdasarkan Jadual Perangkaan Perikanan Tahunan 2020, Kedah mencatatkan pengeluaran pendaratan ikan laut sebanyak 134,419 tan metrik. Merujuk Statistik perikanan 2019, komoditi utama perikanan bagi Kedah ialah ikan Pelaling, Gelama, keli dan udang putih.
3. Merujuk laporan statistik Banci Ekonomi 2016, industri penanaman kelapa sawit (Estet dan Pekebun Kecil) merekodkan jumlah pertubuhan sebanyak 5,386 pertubuhan dengan penglibatan jumlah pekerja seramai 323,653 orang. Isu pengurangan penglibatan warga asing dalam industri ini semasa pasca COVID-19 dijangka akan memberi impak dalam dapatan Banci Ekonomi akan datang.

4. Secara keseluruhan, pandemik yang masih berterusan ini menyebabkan perintah kawalan pergerakan yang dilaksanakan akan mengganggu sistem rantaian makanan. Akibatnya akan berlaku lebihan penawaran diperingkat pengeluar dan kekurangan bekalan diperingkat pengguna. Keadaan kekurangan bekalan ini akan menyebabkan harga barang naik. Dalam masa yang sama, pandemik ini juga telah menyebabkan berlakunya kekurangan pekerja terutamanya pekerja warga asing yang tidak disambung tempoh perkhidmatan. Kekosongan pekerjaan yang wujud ini secara tidak langsung memberi peluang kepada warga tempatan untuk kembali berkhidmat dalam sektor tenaga buruh.

| K. Malaysian Bureau of Labour Statistics (DOSM) | | | |
|---|--|---|---|
| Bil | Akhbar | Ringkasan | Pautan |
| 1. | The Edge Market 9 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>MPOA urges govt to lift freeze on foreign worker recruitment for palm oil industry at 'breaking point'</p> <p>Palm oil planters have urged the government to unfreeze the recruitment of foreign workers as the shortage continue to result in loss of revenue for planters and income to the government due to loss in palm oil yield.</p> <p>Shortage since the foreign labour intake freeze took effect in March 2020 has increased to more than 75,000 workers. This shortage translates into an alarming 20% to 30% shortfall in potential production.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/mpoa-urges-govt-lift-freeze-foreign-worker-recruitment-palm-oil-industry-breaking-point |
| 2. | The Edge Market 9 September 2021 <i>(Essential)</i> | <p>Top Glove to offer more employment, create new jobs amid business closures, says chairman</p> <p>Top Glove Corp Bhd is looking to offer more employment and create new jobs for individuals within and outside the organisation amid pandemic-</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/top-glove-offer-more-employment-create-new-jobs-amid-business-closures-says-chairman |

| | | | |
|----|--|---|---|
| | | <p>driven business closures and job losses.</p> <p>Besides governments it is now more important to offer the chance to recover the lost in societies by way of providing employment and creating new jobs, and also by making it more conducive for businesses to operate in the midst of a pandemic.</p> | |
| 3. | The Edge Market 8 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>Reopening of creative industry will bring relief to over a million workers - Annuar</p> <p>The reopening of eight creative industry sectors from tomorrow for the transition from pandemic to endemic phase is very much needed and the move will bring relief to over one million artistes and workers.</p> <p>It was one of the economic sectors that was the earliest to close and the last to reopen. With this announcement, the entertainment sector will be able to regenerate the creative sector economy under the new norm.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/reopening-creative-industry-will-bring-relief-over-million-workers-%E2%80%94-annuar |
| 4. | The Edge Market 7 September 2021 <i>(Non-essential)</i> | <p>Over 40,000 loss of employment cases as at August, SOCSO monitoring trend, says Saravanan</p> <p>A total of 40,680 cases of loss of employment (LOE) had been recorded in the country as of August this year, with an average of 5,811 cases per month.</p> | https://www.theedgemarkets.com/article/over-40000-loss-employment-cases-august-socso-monitoring-trend-says-saravanan |

| | | |
|--|---|--|
| | <p>Social Security Organisation's (SOCSO) Employment Insurance System (EIS) is monitoring the LOE trend on a daily basis in order to provide protection to workers losing their jobs for various reasons.</p> <p>National job portal MYFutureJobs has so far recorded a total of 1.29 million vacancies from 21 sectors, and a total of 564,830 active jobseekers have registered on the portal, with 196,471 successful placements recorded.</p> | |
| Penemuan penting & isu: | | |
| <ol style="list-style-type: none"> 1. Pekebun kelapa sawit menggesa Kerajaan membenarkan semula pengambilan pekerja asing kerana kekurangan pekerja telah menyebabkan ketiadaan pendapatan kepada pekebun dan kerajaan berikutan kehilangan hasil kelapa sawit. Kekurangan tenaga buruh yang bermula pembekuan pengambilan pada Mac 2020 telah meningkat lebih daripada 75 ribu pekerja. 2. Top Glove Corp Bhd bakal menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pewujudan jawatan baharu berikutan situasi penutupan perniagaan dan kehilangan pekerjaan akibat pandemik. 3. Pembukaan semula lapan aktiviti industri kreatif bermula 9 September akan memberi kelegaan kepada lebih sejuta penggiat sektor industri kreatif. Industri ini merupakan antara sektor ekonomi yang terawal ditutup dan terakhir dibuka. 4. Sejumlah 40,680 kes kehilangan pekerjaan (<i>Loss of employment</i>, LOE) direkodkan sehingga Ogos 2021 dengan purata 5,811 kes pada setiap bulan. Skim Insurans Pekerjaan (SIP) di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) memantau trend LOE setiap hari bagi menyediakan perlindungan kepada mereka yang kehilangan pekerjaan. MYFutureJobs sehingga kini merekodkan 1.29 juta kekosongan melibatkan 21 sektor, dengan 564,830 pencari kerja aktif yang berdaftar dan 196,471 penempatan pekerjaan telah direkodkan. | | |

Maklumbalas Bahagian:

1. Berdasarkan petikan Tenaga Buruh, Malaysia (Julai 2021), penduduk bekerja terus menurun dengan pengurangan kecil sebanyak 2.7 ribu orang kepada 15.29 juta orang pada Julai 2021. Ini merupakan bulan kedua yang mencatatkan pengurangan setelah trend positif direkodkan selama enam bulan. Nisbah guna tenaga kepada penduduk yang menunjukkan kemampuan ekonomi untuk mewujudkan guna tenaga kekal pada 65.0 peratus pada Julai 2021.
2. Statistik utama tenaga buruh bagi bulan Julai 2021 yang diterbitkan pada 9 Ogos 2021 adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 16,072.9 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,294.8 ribu
 - iii) Penganggur: 778.2 ribu
 - iv) Luar tenaga buruh: 7,475.4 ribu
 - v) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - vi) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
3. Statistik utama tenaga buruh pada ST2 2021 berdasarkan Laporan Tenaga Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Tenaga buruh: 15,972.2 ribu
 - ii) Penduduk bekerja: 15,207.3 ribu
 - iii) Penganggur: 764.9 ribu
 - iv) Kadar penyertaan tenaga buruh: 68.3 peratus
 - v) Kadar pengangguran: 4.8 peratus
4. Laporan Statistik Guna Tenaga (SGT) meliputi statistik pekerja sektor swasta di Malaysia. Berikut merupakan maklumat utama berdasarkan SGT ST2 2021:
 - i) Jawatan: 8,351.8 ribu
 - ii) Jawatan diisi: 8,173.7 ribu
 - iii) Kekosongan: 178.0 ribu
 - iv) Pewujudan jawatan: 16.18 ribu
 - v) Kadar jawatan diisi: 97.9%
 - vi) Kadar kekosongan: 2.1%
5. Statistik pekerja mengikut aktiviti utama ekonomi bagi ST2 2021 berdasarkan Laporan Produktiviti Buruh adalah seperti berikut:
 - i) Pertanian: 1,886 ribu orang (Sumbangan: 12.4%)
 - ii) Perlombongan dan pengkuarian: 74 ribu orang (Sumbangan: 0.5%)
 - iii) Pembuatan: 2,577 ribu orang (Sumbangan: 16.9%)
 - iv) Pembinaan: 1,390 ribu orang (Sumbangan: 9.1%)
 - v) Perkhidmatan: 9,279 ribu orang (Sumbangan: 61.0%)
 - vi) Jumlah: 15,207 ribu orang (Sumbangan: 100.0%)